

JPJ Sedia Alat Timbang Mudah Alih

Mudahkan Urusan Penguatkuasaan ke atas kenderaan di Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS : Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menempatkan alat timbang mudah alih secepat mungkin bagi memudahkan urusan penguatkuasaan ke atas kenderaan perdagangan di sini. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata langkah tersebut juga pada masa sama dapat mengelakkan produk pertanian pemilik kebun dan ladang rosak memandangkan untuk pergi ke stesen timbang berhampiran mengambil masa lama. Katanya stesen timbang terdekat hanya terdapat di JPJ Tapah, Perak iaitu 63 kilometer (Km) dari sini dan di JPJ Karak dengan anggaran jarak lebih 190 Km.

“Ada aduan mengatakan kalau mereka perlu pergi ke stesen timbang tersebut ia akan mengambil masa (kerana Jarak) dan menyebabkan sayur atau produk mereka rosak.” Jika ada alat timbang mudah alih apabila JPJ buat penguatkuasaan, Lori di Cameron Highlands tidak perlu ke stesen jauh dan ini memudahkan pemilik tetapi kita minta pemilik jangan cuba melebihi had yang dibenarkan,” katanya kepada pemberita, semalam. Terdahulu, Anthony mengadakan dialog bersama petani, pengusaha industry pelancongan Cameron Highlands serta mesyuarat bersama JPJ Gua Musang, Raub, Simpang Pulai dan Cameron Highlands.

Selain itu, Anthony berkata, pihaknya akan mencetak dan mengedarkan buku garis panduan pemeriksaan kenderaan perdagangan di sini bagi memudahkan sebarang prosedur berkaitan. “Pemilik kenderaan perlu menyimpan buku tersebut apabila ada penguatkuasaan maka tidak ada kekeliruan atau rasa tidak puas hati mengatakan itu betul atau salah.” Ada pemilik mengadu bahawa takrifan garis panduan (Pemeriksaan) tidak seragam. Sebenarnya tidak timbul isu tidak seragam kerana semua peraturan JPJ seragam,” katanya. Mengenai permintaan pengusaha pelancongan menjadikan kenderaan pacuan empat roda untuk membawa pelancong ke kawasan pelancongan, Anthony berkata : “Mereka perlu ada kelulusan teknikal daripada JPJ sebelum permit dikeluarkan.”

Tambah Anthony, pihaknya juga mengarahkan JPJ mengambil tindakan serta merta sekiranya terdapat warga asing khususnya warga Bangladesh yang mengendalikan kereta sapu dikawasan tanah tinggi itu. – Bernama.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 17 | 8 JANUARI 2019